

Sistem Jawatankuasa Pilihan Khas di Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia: Penilaian Kritikal terhadap Instrumen Semak dan Imbang Legislatif

*The Special Select Committee in the Dewan Rakyat,
Parliament of Malaysia: A Critical Appraisal of
Legislative Checks and Balances Instrument*

*Muthanna Saari**

Abstrak

Fungsi teras Parlimen didefinisikan sebagai fungsi legislatif, pengawasan dan perwakilan menggambarkan sumbangan penting institusi Parlimen kepada keseluruhan tadbir urus dalam negara dengan menambah nilai terhadap aktiviti Eksekutif selain daripada memberikan legitimasi kepada tindakan Eksekutif. Peranan Parlimen dalam memastikan tadbir urus awam yang baik ditunjukkan melalui fungsi perwakilan serta aspek kebertanggungjawaban kerajaan di Parlimen. Kertas ini bertujuan untuk meneliti peranan semak dan imbang badan perundangan melalui Sistem Jawatankuasa Pilihan Khas di Dewan Rakyat. Latar belakang penubuhan Sistem Jawatankuasa Pilihan Khas semasa di Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia dibentangkan dan dibandingkan dengan beberapa sistem jawatankuasa pilihan yang diamalkan di Parlimen United Kingdom, Australia dan New Zealand. Seterusnya, kertas ini akan membuat pemerhatian terhadap kelebihan dan aspek penambahbaikan Sistem Jawatankuasa Pilihan Khas di Dewan Rakyat sebelum dirumuskan dengan pertimbangan untuk pemerkasaan dan jalan ke hadapan bagi Sistem Jawatankuasa Pilihan Khas badan perundangan di Malaysia secara keseluruhannya.

* Muthanna Saari is a former Research Officer at the Parliament of Malaysia and currently a SLAB Fellow at the Faculty of Business and Economics, Universiti Malaya (UM). Email: muthanna@um.edu.my

Kata kunci: Dewan Rakyat, Jawatankuasa Pilihan Khas, Parlimen, Peraturan Mesyuarat, Semak dan Imbang

Abstract

The core functions of parliament, namely, legislative, oversight and representative, reflect the significant contribution of parliament institutions to the overall governance of the country. These roles add value to the Executive's activities while at the same time legitimising their actions. The role of parliament in ensuring good governance is manifested through the representation function and the government's accountability in parliament. This paper aims to examine the role of checks and balances in the legislature through the Special Select Committee System in the Dewan Rakyat, Parliament of Malaysia. The paper first gives a brief overview of the background of the establishment of the current Special Select Committee System in the Dewan Rakyat, followed by a comparison with select committee systems in the United Kingdom, Australia and New Zealand. Next, this paper analyses the strength and possible improvements of the Special Select Committee System before concluding with serious considerations for its strengthening as a way forward for the realisation of the Special Select Committee System for legislative bodies in Malaysia.

Keywords: Dewan Rakyat, Special Select Committee, Parliament, Standing Orders, Check and Balance

Pengenalan

Fungsi badan perundangan perlu sentiasa disemak bagi memastikan badan perundangan berjalan sepertimana tujuan yang diperuntukkan kepadanya. Berdasarkan doktrin pengasingan kuasa dalam sistem Kerajaan, seperti yang dinyatakan Jean Blondel,

Fungsi badan perundangan ialah untuk menyediakan suatu cara bagi memastikan badan eksekutif, yang berkemungkinan hasil daripada tuntutan-tuntutan yang dimasukkan ke dalam apa-apa keputusan, untuk disemak sekiranya keputusan tersebut mendatangkan kesusahan, masalah dan ketidakadilan.¹

Manakala fungsi perwakilan parlimen juga perlu dikekalkan dalam erti kata sebenar, sepertimana pandangan John Stuart Mill dalam

1 J. Blondel, *Comparative Legislatures* (New Jersey, Prentice-Hall, 1973).

Considerations on Representative Government, 'parlimen sebagai kongres pandangan yang melibatkan proses perundingan bagi menimbang dan menilai hujah-hujah yang pelbagai'.²

Perbincangan berkenaan isu-isu perlu melibatkan penaakulan (*reasoning*) daripada pelbagai pihak yang terdiri daripada cadangan (berserta hujah) dan mencabar hujah serta idea sehingga akhirnya suatu keputusan politik untuk semua pihak yang terikat dengan keputusan tersebut dapat dicapai. Perkara 44 Perlembagaan Persekutuan yang meletakkan Parlimen, terdiri daripada Yang di-Pertuan Agong dan dua Majlis Parlimen yang dikenali sebagai Dewan Negara dan Dewan Rakyat, sebagai badan perundangan tertinggi dalam negara tidak seharusnya menjadi sekadar suatu tempat bagi isu-isu dan permasalahan yang dikemukakan untuk perhatian pihak Kerajaan, menantikan jawapan yang telah sedia disesuaikan (*pre-tailored*), tanpa melibatkan cabaran terhadap perubahan struktur dan persoalan mengapa permasalahan berkenaan dibenarkan berlaku terlebih dahulu. Selaras dengan Perkara 43(3) Perlembagaan Persekutuan berkenaan kebertanggungjawaban pihak Eksekutif kepada Parlimen, adalah penting bagi Parlimen untuk meneliti, menyemak dan mencabar dasar-dasar Kerajaan. Dalam amalan demokrasi berparlimen, proses ini akan menjadikan ahli Parlimen sebagai pihak yang cukup berani untuk berhujah dan seterusnya hujah berkenaan dibalas dengan hujah lain secara matang.

Adalah penting untuk merujuk objektif yang digariskan dalam Laporan Suruhanjaya Reid 1957 semasa mengesyorkan sistem demokrasi berparlimen yang menjadi amalan dalam negara sehingga hari ini. Pertamanya, hendaklah wujud peluang yang sepenuhnya bagi pembangunan sebuah bangsa yang bersatu, bebas dan demokratik. Dalam konteks negara ini, konsep *parliamentarism* merupakan teras kepada amalan demokrasi, memperuntukkan Kerajaan mendapatkan legitimasinya daripada badan perundangan serta dalam masa yang sama bertanggungjawab kepada badan perundangan.³

Kertas ini bertujuan untuk meneliti peranan semak dan imbang badan perundangan terhadap peruntukan undang-undang serta dasar dan pelaksanaan pihak Eksekutif melalui Sistem Jawatankuasa Pilihan

2 J.S. Mill, *Considerations on Representative Government* (United Kingdom, Parker, Son and Bourn, 1861).

3 K. Palonen & J.M. Rosales, *Parliamentarism and Democratic Theory: Historical and Contemporary Perspectives* (Toronto, Barbara Budrich Publishers, 2015).

Khas di Dewan Rakyat. Peranan jawatankuasa pilihan khas parlimen, menurut *Erskine May* adalah untuk –

menjalankan tugas yang luas, memerlukan kaedah operasi berbeza dan sering kali lebih fleksibel berbanding dengan yang dijalankan dalam prosiding Majlis Mesyuarat, dan secara khususnya, jawatankuasa pilihan khas boleh melaporkan pandangan dan pemerhatian terhadap sesuatu perkara.⁴

Australia House of Representatives Practice menyatakan, ‘tujuan utama jawatankuasa parlimen ialah untuk menjalankan penyiasatan serta melaksanakan fungsi yang tidak sesuai dilakukan oleh Majlis Mesyuarat’.⁵ Manakala bekas Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Tan Sri Mohamad Ariff Md Yusof dalam *Law, Principles and Practice in the Dewan Rakyat (House of Representatives) of Malaysia* pula menyatakan, ‘jawatankuasa parlimen yang distrukturkan dengan lebih baik menyediakan mekanisme untuk ahli Parlimen berfungsi sebagai pengawas, memastikan kementerian dan jabatan Kerajaan beroperasi mengikut dasar dan peraturan yang diluluskan oleh Parlimen’.⁶

Oleh itu, kertas ini akan memberikan latar belakang penubuhan Sistem Jawatankuasa Pilihan Khas di Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia dan membuat perbandingan dengan beberapa sistem jawatankuasa pilihan di Parlimen United Kingdom, Australia dan New Zealand. Seterusnya, pemerhatian terhadap kelebihan dan aspek penambahbaikan Sistem Jawatankuasa Pilihan Khas di Dewan Rakyat dikemukakan dan akhirnya kertas ini dirumuskan dengan pertimbangan untuk pemeraksanaan dan jalan ke hadapan bagi Sistem Jawatankuasa Pilihan Khas badan perundangan di Malaysia secara keseluruhannya.

Latar belakang penubuhan

Sistem jawatankuasa parlimen merupakan amalan yang berdasarkan kepada standard penanda aras antarabangsa sepertimana yang disyorkan

4 D. Natzler & M. Hutton (eds), *Erskine May's Treatise on The Law, Privileges, Proceedings and Usage of Parliament Twenty-fifth edition* (London, LexisNexis, 2019).

5 D. Elder & P. Fowler (eds), *House of Representatives Practice Seventh Edition* (Canberra, Department of House of Representatives, 2018).

6 M.A. Md Yusof, ‘The Committee System’ dalam M.A. Md Yusof, R. Hamzah & S.S. Faruqi (eds), *Law, Principles and Practice in the Dewan Rakyat (House of Representatives) of Malaysia* (Subang Jaya, Thomson Reuters Asia, 2020) 367.

oleh *Commonwealth Parliamentary Association* (CPA). Antara penanda aras bagi badan perundangan demokratik yang digariskan ialah:⁷

- Badan perundangan berhak dan mempunyai sumber yang mencukupi untuk membentuk jawatankuasa tetap dan sementara.
- Penentuan ahli bagi setiap jawatankuasa hendaklah terdiri daripada ahli parti majoriti dan minoriti dan membayangkan komposisi politik dalam badan perundangan.
- Badan perundangan perlu mewujudkan kaedah yang telus dalam melantik pengerusi jawatankuasa.
- Setelah ditubuhkan, jawatankuasa hendaklah mengadakan pertemuan secara kerap dan mengikut masa yang dipersetujui.
- Kesemua undi dan keputusan penting serta justifikasi terhadap keputusan berkenaan hendaklah diketahui umum.
- Jawatankuasa mempunyai kuasa untuk memanggil saksi, dokumen dan rekod dan kuasa ini hendaklah dipanjangkan kepada saksi-saksi dan bukti daripada cabang Eksekutif, termasuk pegawai-pegawai Kerajaan.
- Hendaklah wujud anggapan bahawa badan perundangan berhak merujuk sesuatu undang-undang kepada suatu jawatankuasa dan sebarang pengecualian hendaklah bersifat telus, didefinisikan dengan jelas dan bersifat luar biasa.
- Jawatankuasa hendaklah meneliti undang-undang yang dirujuk kepadanya dan mempunyai kuasa untuk mengesyorkan pindaan atau meminda undang-undang tersebut.
- Jawatankuasa berhak dan mempunyai sumber yang mencukupi untuk berunding dan/atau melantik pakar dalam bidang berkenaan.
- Jawatankuasa hendaklah mendapatkan dan menerima pandangan daripada awam berhubung isu berkaitan dan memberikan tempoh

7 CPA, *Recommended Benchmarks for Democratic Legislatures* (London, CPA, 2018) <<https://www.cpahq.org/media/10jjk2nh/recommended-benchmarks-for-democratic-legislatures-updated-2018-final-online-version-single.pdf>> dicapai 29 Ogos 2022.

masa yang munasabah bagi sesuatu pandangan bertulis yang disediakan.

- Jawatankuasa mendengar bukti secara terbuka melainkan terdapat alasan yang kukuh bagi pendengaran secara tertutup.
- Badan perundangan hendaklah melindungi pemberi maklumat termasuk *whistle-blower* atau penjawat awam dan saksi-saksi yang menyampaikan bukti yang relevan kepada jawatankuasa berkenaan rasuah atau aktiviti yang melanggar undang-undang.
- Hanya ahli legislatif yang dilantik ke dalam jawatankuasa, atau pengganti yang dibenarkan, mempunyai hak untuk mengundi dalam jawatankuasa berkenaan.

Sejarah Sistem Jawatankuasa Pilihan Khas di Dewan Rakyat merekodkan beberapa jawatankuasa pilihan khas yang bersifat sementara dan melibatkan isu tertentu pernah diwujudkan. Antara jawatankuasa pilihan khas berkenaan ialah Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya, Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Perpaduan dan Khidmat Negara, Jawatankuasa Pilihan Khas Mengkaji Rang Undang-undang Kanun Keseksaaan (Pindaan) 2004 dan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 dan Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Projek *Lynas Advance Material Plant* (LAMP).⁸

Sistem Jawatankuasa Pilihan Khas di Dewan Rakyat semasa telah bermula pada Penggal Pertama Parlimen Keempat Belas. Penubuhan jawatankuasa pilihan khas telah diluluskan melalui pembentangan Penyata Jawatankuasa Dewan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat DR. 6 Tahun 2018 bertarikh 16 Ogos 2018. Penyata berkenaan telah membentangkan keputusan mesyuarat Jawatankuasa Dewan terhadap cadangan untuk menubuhkan jawatankuasa pilihan khas menurut Peraturan Mesyuarat 81(1), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.⁹ Walaupun cadangan asal ialah bagi penubuhan sebanyak 16 buah jawatankuasa pilihan khas, namun sebanyak enam jawatankuasa

8 Parlimen Malaysia, *Parlimen Malaysia: Tonggak Demokrasi dan Legislatif Negara* (Kuala Lumpur, Parlimen Malaysia, 2022) 112.

9 Jawatankuasa Dewan, *Penyata Jawatankuasa Dewan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat* (DR 2018-2022, DR.6/2018), <<https://www.parlimen.gov.my/ipms/eps/2018-08-16/DR.6.2018%20-%20DR%206.pdf>> dicapai 29 Ogos 2022.

pilihan khas telah dipersetujui untuk ditubuhkan 'sebagai perintis... berdasarkan kepada kepentingan dan hala tuju negara' seperti berikut:

- i. Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang;
- ii. Jawatankuasa Pilihan Khas Bajet;
- iii. Jawatankuasa Pilihan Khas Pertahanan dan Hal Ehwal Dalam Negeri;
- iv. Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi dan Kesaksamaan Gender;
- v. Jawatankuasa Pilihan Khas Hubungan Antara Negeri-negeri Persekutuan; dan
- vi. Jawatankuasa Pilihan Khas Untuk Melantik Jawatan-jawatan Utama Perkhidmatan Awam.

Terma rujukan penubuhan jawatankuasa pilihan khas diperincikan tujuan penubuhannya, keanggotaannya seramai tujuh orang ahli termasuk pengerusi dan tempoh pelantikan selama dua tahun atau dua penggal. Melalui penubuhan jawatankuasa pilihan khas ini, turut dicadangkan penambahan peruntukan kewangan dan sumber tenaga manusia yang sewajarnya bagi jawatankuasa pilihan khas ini dapat berfungsi dengan berkesan. Hasrat penubuhan jawatankuasa pilihan khas juga untuk mengukuhkan urusan perjalanan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dalam memperkasakan institusi Parlimen Malaysia.¹⁰

Sistem Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat seterusnya dikembangkan melalui penubuhan empat lagi jawatankuasa pilihan khas pada Penggal Kedua Parlimen Keempat Belas. Penyata Jawatankuasa Dewan DR. 6 Tahun 2019 bertarikh 16 Oktober 2019 telah dibentangkan bagi penubuhan jawatankuasa pilihan khas seperti berikut:

- i. Jawatankuasa Pilihan Khas Pilihan Raya;
- ii. Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia dan Hal Ehwal Perlembagaan;
- iii. Jawatankuasa Pilihan Khas Hubungan dan Perdagangan Antarabangsa; dan
- iv. Jawatankuasa Pilihan Khas Sains, Inovasi dan Alam Sekitar.

10 *ibid.*

Melalui penambahan empat jawatankuasa pilihan khas ini khususnya Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia dan Hal Ehwal Perlembagaan, Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi dan Kesaksamaan Gender dinamakan semula sebagai Jawatankuasa Pilihan Khas Kesaksamaan Gender dan Pembangunan Keluarga.¹¹ Penambahan dan penamaan semula jawatankuasa pilihan khas ini menjadikan jumlah jawatankuasa pilihan khas Dewan Rakyat sebanyak 10 buah jawatankuasa pilihan khas.

Fungsi jawatankuasa pilihan khas adalah sebagai mekanisme semak danimbang terhadap pihak Eksekutif dengan tidak mencampuri fungsi dan bidang kuasa yang telah ditetapkan kepada pihak Eksekutif. Peranan jawatankuasa pilihan khas sebagai salah satu instrumen Legislatif adalah memudahcara, menambah baik dasar-dasar Kerajaan supaya menjadi lebih cekap dan seterusnya memberi pengesahan kepada tindakan dan dasar yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Peraturan Mesyuarat 83(4), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat menyatakan perbincangan jawatankuasa pilihan dihadkan kepada perkara yang diserahkan oleh Majlis kepadanya dan juga kepada apa-apa yang berkenaan dengan perkara tersebut seperti yang dibenarkan oleh Majlis Mesyuarat.

Perbincangan, siasatan, keputusan dan syor-syor yang ditetapkan oleh jawatankuasa pilihan khas hendaklah dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat dalam bentuk penyata atau penyata khas tertakluk kepada Peraturan Mesyuarat 86, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Pembentangan penyata jawatankuasa pilihan khas kepada Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat memberi ruang kepada Parlimen khususnya dan pihak awam amnya meneliti isu-isu yang dibincangkan dalam jawatankuasa pilihan khas. Sepanjang tempoh dua tahun terma penubuhan jawatankuasa pilihan khas berkenaan, beberapa jawatankuasa pilihan khas telah membentangkan penyata masing-masing kepada Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat selaras dengan tujuan penubuhan dan terma rujukan yang ditetapkan. Berikut antara penyata jawatankuasa pilihan khas berkenaan:

- i. Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Bajet DR. 4 Tahun 2019 berkenaan 'Hutang dan Liabiliti Kerajaan' bertarikh 17 Julai 2019;¹²

11 Jawatankuasa Dewan, *Penyata Jawatankuasa Dewan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat* (DR 2018-2022, DR.6/2019), <<https://www.parlimen.gov.my/ipms/eps/2019-10-16/DR.6.2019%20-%20DR%206.2019.pdf>> dicapai 29 Ogos 2022.

12 Jawatankuasa Pilihan Khas Bajet, *Hutang dan Liabiliti Kerajaan* (DR 2018-2022, DR.4/2019), <<https://www.parlimen.gov.my/ipms/eps/2019-07-17/DR.4.2019%20-%20DR%204.2019.pdf>> dicapai 29 Ogos 2022.

- ii. Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas untuk Melantik Jawatan-jawatan Utama Perkhidmatan Awam DR. 12 Tahun 2019 berkenaan 'Pelantikan Ketua Hakim Negara, Pelantikan Ketua Polis Negara, Pelantikan Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dan Pelantikan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)' bertarikh 2 Disember 2019;¹³ dan
- iii. Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Hubungan dan Perdagangan Antarabangsa DR. 4 Tahun 2020 berkenaan 'Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Hubungan dan Perdagangan Antarabangsa Bil. 1 Tahun 2020' bertarikh 2 November 2020.¹⁴

Seterusnya, berikutan perubahan kepimpinan di peringkat Kerajaan Persekutuan pada Mac 2020, Sistem Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat diteruskan dengan beberapa perubahan. Penubuhan jawatankuasa pilihan khas yang baharu diterima melalui Penyata Jawatankuasa Dewan DR. 3 Tahun 2020 bertarikh 2 November 2020.¹⁵ Kesemua 10 jawatankuasa pilihan khas sedia ada tidak diteruskan dan diganti dengan sembilan jawatankuasa pilihan khas seperti berikut:

- i. Jawatankuasa Pilihan Khas Kebebasan Asasi dan Hak-hak di bawah Perlembagaan;
- ii. Jawatankuasa Pilihan Khas Kewangan dan Ekonomi;
- iii. Jawatankuasa Pilihan Khas Keselamatan;
- iv. Jawatankuasa Pilihan Khas bagi Agensi-agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri;

13 Jawatankuasa Pilihan Khas untuk Melantik Jawatan-jawatan Utama Perkhidmatan Awam, *Pelantikan Ketua Hakim Negara, Pelantikan Ketua Polis Negara, Pelantikan Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM), Pelantikan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)* (DR 2018-2022, DR.12/2019), <<https://www.parlimen.gov.my/ipms/eps/2019-12-02/DR.12.2019%20-%20DR%2012.2019.pdf>> dicapai 29 Ogos 2022.

14 Jawatankuasa Pilihan Khas Hubungan dan Perdagangan Antarabangsa, *Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Hubungan dan Perdagangan Antarabangsa Bil. 1 Tahun 2020* (DR 2018-2022, DR.4/2020), <<https://www.parlimen.gov.my/ipms/eps/2020-11-02/DR.4.2020%20-%20DR%204.2020.pdf>> dicapai 29 Ogos 2022.

15 Jawatankuasa Dewan, *Penyata Jawatankuasa Dewan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat* (DR 2018-2022, DR.3/2020), <<https://www.parlimen.gov.my/ipms/eps/2020-11-02/DR.3.2020%20-%20DR%203.2020.pdf>> dicapai 29 Ogos 2022.

- v. Jawatankuasa Pilihan Khas Pertanian dan Perdagangan Dalam Negeri;
- vi. Jawatankuasa Pilihan Khas Pembangunan Infrastruktur;
- vii. Jawatankuasa Pilihan Khas Pendidikan;
- viii. Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Wanita & Kanak-kanak dan Pembangunan Sosial; dan
- ix. Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains dan Inovasi.

Sebagai tambahan, satu Seksyen Jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat telah ditubuhkan dengan penambahan perjawatan di Seksyen Penyata Rasmi di Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia. Penubuhan seksyen ini ialah bagi memastikan kesemua jawatankuasa pilihan khas yang ditubuhkan dapat berfungsi dengan lancar dan berkesan.

Berikutnya, satu Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Antarabangsa telah ditubuhkan melalui Penyata Jawatankuasa Dewan DR. 8 Tahun 2021 bertarikh 11 Oktober 2021 bagi menjadikan keseluruhan jawatankuasa pilihan khas sebanyak 10 jawatankuasa.¹⁶ Sistem Jawatankuasa Pilihan Khas di Dewan Rakyat yang dilaksanakan pada masa ini dibentuk bagi melaksanakan tugas semak dan imbang terhadap Kementerian yang berkaitan. Fungsi setiap jawatankuasa pilihan khas ini dipadankan dengan Kementerian seperti Jadual 1.

Jadual 1. Kluster Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat

Bil	Jawatankuasa Pilihan Khas	Kementerian
1.	Jawatankuasa Pilihan Khas Kebebasan Asasi dan Hak-hak di bawah Perlembagaan	(tiada Kementerian yang sepadan, sebaliknya Jawatankuasa bertanggungjawab berdasarkan isu)
2.	Jawatankuasa Pilihan Khas Kewangan dan Ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri • Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) • Kementerian Kewangan

16 Jawatankuasa Dewan, *Penyata Jawatankuasa Dewan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat* (DR 2018-2022, DR.8/2021), <<https://www.parlimen.gov.my/ipms/eps/2021-10-11/DR.8.2021%20-%20DR%208.2021.pdf>> dicapai 29 Ogos 2022.

Bil	Jawatankuasa Pilihan Khas	Kementerian
3.	Jawatankuasa Pilihan Khas Keselamatan	<ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Pertahanan • Kementerian Dalam Negeri
4.	Jawatankuasa Pilihan Khas bagi Agensi-agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri	<ul style="list-style-type: none"> • Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak) • Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas) • Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) • Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)
5.	Jawatankuasa Pilihan Khas Pertanian dan Perdagangan Dalam Negeri	<ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Pertanian dan Industri Makanan • Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna • Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
6.	Jawatankuasa Pilihan Khas Pembangunan Infrastruktur	<ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Kerja Raya • Kementerian Pengangkutan • Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan • Kementerian Pembangunan Luar Bandar
7.	Jawatankuasa Pilihan Khas Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Pendidikan • Kementerian Pengajian Tinggi
8.	Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains dan Inovasi	<ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Kesihatan • Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
9.	Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Wanita & Kanak-kanak dan Pembangunan Sosial	<ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
10.	Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Antarabangsa	<ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Luar Negeri

Sumber: Jawatankuasa Dewan, Dewan Rakyat

Amalan sistem jawatankuasa parlimen luar negara

Sistem jawatankuasa di parlimen luar negara merupakan suatu amalan yang telah diguna pakai di kebanyakan institusi legislatif yang

telah matang. Parlimen seperti United Kingdom, Australia dan New Zealand merupakan contoh badan perundangan yang telah menggunakan sistem jawatankuasa secara meluas dalam menjalankan fungsi dan peranan institusi legislatif masing-masing. Aspek-aspek yang diketengahkan dalam perbandingan ini bertujuan memberi gambaran kepada sistem jawatankuasa yang diamalkan di parlimen luar negara yang telah menstrukturkan sistem ini sebagai sebahagian daripada peraturan tetap di institusi legislatif masing-masing.

United Kingdom

Sistem jawatankuasa di *House of Commons*, United Kingdom merupakan antara sistem jawatankuasa yang terkehadapan dalam sistem parlimen *Westminster*. Sistem jawatankuasa ini mula diperkenalkan pada tahun 1979 dengan matlamat untuk mewujudkan suatu sistem yang memeriksa perbelanjaan, pentadbiran dan dasar jabatan-jabatan utama Kerajaan.¹⁷ Sehingga kini, sistem jawatankuasa di *House of Commons*, United Kingdom telah berkembang dan menjadi suatu sistem yang kompleks, sesuai dengan tempoh sistem ini mula diguna pakai di Parlimen United Kingdom. Sistem jawatankuasa yang diamalkan adalah berdasarkan jawatankuasa pilihan jabatan (*departmental select committee*) yang membayangi tugas dan fungsi setiap jabatan Kerajaan. Terdapat kira-kira 35 buah jawatankuasa di *House of Commons*, United Kingdom dengan 20 buah jawatankuasa pilihan jabatan.

Jadual 2. Jawatankuasa Pilihan *House of Commons*, United Kingdom dan Jabatan Kerajaan Utama yang Berkenaan

Bil	Jawatankuasa Pilihan Jabatan	Jabatan Kerajaan yang Berkenaan
1.	<i>Business, Energy and Industrial Strategy</i>	• <i>Business, Energy and Industrial Strategy</i>
2.	<i>Defence</i>	• <i>Ministry of Defence</i>
3.	<i>Digital, Culture, Media and Sport</i>	• <i>Department for Digital, Culture, Media and Sport</i>
4.	<i>Education</i>	• <i>Department for Education</i>

17 L. Maer, O. Gay & R. Kelly, *The Departmental Select Committee System – Research Paper 09/55 15 June 2009* (London, House of Commons Library, 2009) <<https://researchbriefings.files.parliament.uk/documents/RP09-55/RP09-55.pdf>> dicapai 30 Ogos 2022.

Bil	Jawatankuasa Pilihan Jabatan	Jabatan Kerajaan yang Berkenaan
5.	<i>Environment, Food and Rural Affairs</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Department for Environment, Food and Rural Affairs</i>
6.	<i>Foreign Affairs</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Foreign and Commonwealth Office</i>
7.	<i>Health and Social Care</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Department of Health and Social Care</i>
8.	<i>Home Affairs</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Home Office</i>
9.	<i>International Development</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Department for International Development</i>
10.	<i>International Trade</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Department for International Trade</i>
11.	<i>Justice</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Ministry of Justice (including the work of staff provided for the administrative work of courts and tribunals, but excluding consideration of individual cases and appointments, and excluding the work of the Scotland and Wales Offices and of the Advocate General for Scotland); and administration and expenditure of the Attorney General's Office, the Treasury Solicitor's Department, the Crown Prosecution Service and the Serious Fraud Office (but excluding individual cases and appointments and advice given within government by Law Officers)</i>
12.	<i>Levelling Up, Housing and Communities</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Department for Levelling Up, Housing and Communities</i>
13.	<i>Northern Ireland Affairs</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Northern Ireland Office; administration and expenditure of the Crown Solicitor's Office (but excluding individual cases and advice given by the Crown Solicitor); and other matters within the responsibilities of the Secretary of State for Northern Ireland (but excluding the expenditure, administration and policy of the Office of the Director of Public Prosecutions, Northern Ireland and the drafting of legislation by the Office of the Legislative Counsel)</i>

Bil	Jawatankuasa Pilihan Jabatan	Jabatan Kerajaan yang Berkenaan
14.	<i>Science and Technology</i>	• <i>Government Office for Science</i>
15.	<i>Scottish Affairs</i>	• <i>Scotland Office (including (i) relations with the Scottish Parliament and (ii) administration and expenditure of the offices of the Advocate General for Scotland (but excluding individual cases and advice given within government by the Advocate General))</i>
16.	<i>Transport</i>	• <i>Department for Transport</i>
17.	<i>Treasury</i>	• <i>Treasury, HM Revenue & Customs</i>
18.	<i>Welsh Affairs</i>	• <i>Wales Office (including relations with the Wales Parliament/Senedd Cymru)</i>
19.	<i>Women and Equalities</i>	• <i>Government Equalities Office</i>
20.	<i>Work and Pensions</i>	• <i>Department for Work and Pensions</i>

Sumber: *Parlimen United Kingdom*¹⁸

Selain jawatankuasa pilihan jabatan, terdapat jawatankuasa yang bersifat silang fungsi yang meneliti isu-isu yang melangkaui sesuatu perkara di bawah tanggungjawab jabatan Kerajaan. Antara jawatankuasa yang juga dikenali sebagai *cross-cutting committee* ini ialah *Environmental Audit Committee, European Scrutiny Committee, Liaison Committee, Public Accounts Committee* dan *Public Administration Committee*. Keanggotaan dalam jawatankuasa pilihan jabatan adalah antara 11 dan 14 orang ahli yang dipilih berdasarkan kekuatan sesebuah parti politik dalam keseluruhan komposisi perwakilan di *House of Commons, United Kingdom*. Penentuan calon pengerusi jawatankuasa pilihan dirunding bersama Speaker dengan parti-parti politik setelah suatu pilihan raya umum selesai. Nama calon akan dicadangkan melalui usul dalam *House of Commons, United Kingdom* dan pemilihan pengerusi jawatankuasa pilihan dilaksanakan melalui undi rahsia dalam *House of Commons, United Kingdom*.¹⁹ Pemilihan pengerusi dan ahli jawatankuasa pilihan secara bebas yang mula diperkenalkan melalui rekomendasi *Reform of the House of Commons Committee* pada tahun 2009 diperakui sebagai

18 United Kingdom, House of Commons Standing Orders, SO. 152.

19 *ibid.* SO. 122B.

antara pembaharuan yang paling signifikan bagi meningkatkan kuasa, kredibiliti dan kebebasan jawatankuasa pilihan.²⁰

Philip Norton berpandangan bahawa penginstitutionian jawatankuasa pilihan di *House of Commons* mengukuhkan peranan proaktif badan legislatif terhadap kerajaan. Selain itu, keterangan yang dikemukakan di hadapan jawatankuasa oleh pihak luar daripada kerajaan pula, telah membekalkan anggota jawatankuasa dengan maklumat dan nasihat yang membolehkan mereka meneliti dan mencabar maklumat yang dibentangkan oleh pihak kerajaan.²¹ Menyedari kepentingan input pihak luar kepada jawatankuasa pilihan, penglibatan awam dengan jawatankuasa pilihan *House of Commons* dinyatakan sebagai suatu perkara yang perlu dicapai oleh jawatankuasa pilihan. Matlamat ini juga tidak terhad kepada sekadar meningkatkan penglibatan awam dengan jawatankuasa pilihan tetapi terhadap persoalan bagaimana penglibatan ini memberi input secara langsung kepada laporan akhir kerja jawatankuasa.²²

Australia

Sistem jawatankuasa di *House of Representatives*, Australia dijelaskan dalam Bab 16 *Standing Orders House of Representatives* Australia²³ dan dinyatakan melalui Jawatankuasa Tetap (*Standing Committee*), Jawatankuasa Pilihan (*Select Committee*) dan Jawatankuasa Bersama (*Joint Committee*). *House of Representatives* Australia menubuhkan Jawatankuasa Tetap yang diperuntukkan dalam *Standing Order* 215 yang ditubuhkan sepanjang tempoh sesuatu Parlimen dan akan ditubuhkan semula dalam Parlimen seterusnya selain mempunyai peranan yang berterusan. Jawatankuasa Tetap berkenaan ialah:

- i. *Standing Committee on Agriculture and Water Resources*;
- ii. *Standing Committee on Communications and the Arts*;

20 L. Fisher, 'The Growing Power and Autonomy of House of Commons Select Committees: Causes and Effects' (2015) 86(3) *The Political Quarterly* 419, 421.

21 P. Norton, 'Nascent institutionalisation: Committees in the British parliament' (1998) 4(1) *The Journal of Legislative Studies* 143, 151.

22 A. Walker, N. Jurczak, C. Bochel dan C. Leston-Bandeira, 'How Public Engagement Became a Core Part of the House of Commons Select Committees' (2019) 72(4) *Parliamentary Affairs* 965.

23 Australia, House of Representatives Standing Orders, SO. 214 Appointment of Standing Committees. Standing Committees shall be appointed at the beginning of each Parliament.

- iii. *Standing Committee on Economics;*
- iv. *Standing Committee on Employment, Education and Training;*
- v. *Standing Committee on the Environment and Energy;*
- vi. *Standing Committee on Health, Aged Care and Sport;*
- vii. *Standing Committee on Indigenous Affairs;*
- viii. *Standing Committee on Industry, Innovation, Science and Resources;*
- ix. *Standing Committee on Infrastructure, Transport and Cities;*
- x. *Standing Committee on Social Policy and Legal Affairs;* dan
- xi. *Standing Committee on Tax and Revenue.*

Kuasa jawatankuasa tetap ini termasuk menyiasat dan melaporkan apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya oleh Parlimen atau seseorang Menteri. Perkara berkenaan termasuk cadangan rang undang-undang, usul, petisyen, undi dan perbelanjaan serta apa-apa dokumen dan laporan. Selain itu, laporan tahunan agensi Kerajaan dan laporan Ketua Audit Negara yang dibentangkan di Parlimen juga dirujuk secara terus ke jawatankuasa tetap sekiranya sebarang penyiasatan berkehendak dijalankan. Walau bagaimanapun, bagi melayakkan suatu penyiasatan dijalankan, perkara berikut perlu dipatuhi:

- i. Laporan dirujuk kepada suatu jawatankuasa berdasarkan jadual yang dibentangkan oleh Speaker yang menetapkan bidang pertanggungjawaban bagi setiap jawatankuasa.
- ii. Speaker diberi kuasa untuk menentukan sebarang perkara sekiranya bidang pertanggungjawaban tidak jelas atau bertindih antara satu jawatankuasa dengan yang lain.

Keanggotaan bagi setiap jawatankuasa seramai lapan orang (lima ahli Kerajaan dan tiga bukan Kerajaan). Manakala 10 orang ahli dilantik bagi *Standing Committee on Economics*, *Standing Committee on Employment, Education and Training*, dan *Standing Committee on Infrastructure, Transport and Cities*. Setiap jawatankuasa juga boleh melantik sehingga empat orang ahli tambahan (dua ahli Kerajaan dan dua bukan Kerajaan atau bebas) bagi sesuatu penyiasatan dengan hak penyertaan yang sama dengan ahli lain tetapi tiada hak mengundi.

Penubuhan jawatankuasa pilihan pula diperuntukkan dalam *Standing Order* 223 yang menyatakan bahawa Parlimen boleh melantik jawatankuasa pilihan melalui usul, dan hendaklah menetapkan tarikh bagi pelaporan prosiding jawatankuasa pilihan tersebut kepada Majlis Mesyuarat. Seorang ahli jawatankuasa pilihan hendaklah membentangi laporan jawatankuasa pada atau sebelum tarikh yang ditetapkan, kecuali Majlis Mesyuarat membenarkan lanjutan masa. Oleh itu, jawatankuasa pilihan di *House of Representatives* Australia adalah bersifat *ad-hoc* dengan jangka hayat tertentu sahaja. Apabila laporan akhir jawatankuasa pilihan dibentangi di Majlis Mesyuarat, jawatankuasa pilihan ini terhenti kewujudannya.²⁴

New Zealand

Jawatankuasa pilihan yang ditubuhkan oleh Parlimen dan hanya boleh melaksanakan fungsi dan kuasa yang diberikan oleh Parlimen. Dalam pengertian lain, jawatankuasa pilihan tidak mempunyai fungsi dan kuasa yang tidak dimiliki oleh Parlimen.²⁵ Sistem jawatankuasa di *House of Representatives*, New Zealand juga diperuntukkan di dalam *Standing Orders* setiap kali Parlimen baharu ditubuhkan. Jawatankuasa ini dikenal sebagai *subject select committees* dan 12 jawatankuasa ini berserta bidang subjek masing-masing ialah seperti berikut:

- i. ***Economic Development, Science and Innovation Committee:*** *business development, tourism, Crown minerals, commerce, consumer protection and trading standards, research, science, innovation, intellectual property, broadcasting, communications, information technology.*
- ii. ***Education and Workforce Committee:*** *education, training, employment, immigration, industrial relations, health and safety, accident compensation.*
- iii. ***Environment Committee:*** *conservation, environment, climate change.*
- iv. ***Finance and Expenditure Committee:*** *economic and fiscal policy, taxation, revenue, banking and finance, superannuation, insurance, Government expenditure and financial performance, public audit.*

24 Elder & Fowler (n 5) 647.

25 M. Harris & D. Wilson (eds), *McGee Parliamentary Practice in New Zealand Fourth Edition* (Auckland, Oratia Books, 2017) <<https://www.parliament.nz/media/4113/parliamentary-practice-in-nz-final-text.pdf>> dicapai 29 Ogos 2022.

- v. **Foreign Affairs, Defence and Trade Committee:** customs, defence, disarmament and arms control, foreign affairs, trade, veterans' affairs.
- vi. **Governance and Administration Committee:** public governance, parliamentary and legislative services, Prime Minister and Cabinet, State services, statistics, internal affairs, civil defence and emergency management, local government.
- vii. **Health Committee:** health.
- viii. **Justice Committee:** constitutional and electoral matters, human rights, justice, courts, crime and criminal law, police, corrections, Crown legal services.
- ix. **Māori Affairs Committee:** Māori affairs, Treaty of Waitangi negotiations.
- x. **Primary Production Committee:** agriculture, biosecurity, racing, fisheries, productive forestry, lands, and land information.
- xi. **Social Services and Community Committee:** social development, social housing, income support, women, children, young people, seniors, Pacific peoples, ethnic communities, arts, culture and heritage, sport and recreation, voluntary sector.
- xii. **Transport and Infrastructure Committee:** transport, transport safety, infrastructure, energy, building and construction.

Majlis Mesyuarat boleh merujuk apa-apa perkara untuk penyiasatan oleh jawatankuasa, namun, secara relatifnya bilangan perkara yang dirujuk kepada jawatankuasa adalah kecil kerana jawatankuasa pilihan mempunyai kuasa secara umum untuk menerima penerangan atau menjalankan penyiasatan berhubung perkara yang berkaitan dengan bidang subjek jawatankuasa tersebut. Walau bagaimanapun, sekiranya jawatankuasa berhasrat untuk menjalankan penyiasatan terhadap perkara di luar bidang subjek yang ditetapkan, jawatankuasa boleh memohon kebenaran daripada Majlis Mesyuarat.

Keanggotaan jawatankuasa pilihan tidak ditentukan melalui *Standing Orders*, tetapi ditentukan oleh *Business Committee*. Keanggotaan jawatankuasa juga bergantung kepada parti-parti politik yang mempunyai wakil di Parlimen serta keutamaan yang dikehendaki dilaksanakan oleh wakil-wakil parti masing-masing.²⁶ Peranan *Business*

26 ibid.

Committee ini diperakui mempunyai pengaruh terhadap ketelusan parlimen menjalankan urusannya termasuk bagaimana kerajaan merundingkan urusannya di dalam parlimen.²⁷ Setiausaha Dewan (*Clerk of the House*) ialah urus setia bagi Jawatankuasa pilihan dan secara praktiknya tugas ini dilaksanakan oleh seorang Setiausaha Jawatankuasa bagi pihak Setiausaha Dewan. Tugas Setiausaha Jawatankuasa termasuk mempengerusikan proses pelantikan Pengerusi Jawatankuasa, memberi nasihat berkaitan tatacara dan operasi jawatankuasa pilihan, menjalankan mesyuarat jawatankuasa, merekodkan apa-apa keputusan jawatankuasa, merangka program kerja jawatankuasa, mendraf laporan untuk dibentangkan kepada Majlis Mesyuarat dan memberi nasihat berhubung penglibatan awam. Selain itu, nasihat pakar dalam bidang subjek jawatankuasa disediakan oleh penyelidik dari Perpustakaan Parlimen, manakala nasihat gubalan legislatif pula dari pejabat Setiausaha Dewan.²⁸

Sistem Jawatankuasa Pilihan Khas sebagai instrumen semak dan imbang legislatif

Dengan wujudnya Sistem Jawatankuasa Pilihan Khas yang tidak bersifat sementara dan terhad terhadap sesuatu isu tertentu sahaja, instrumen bagi fungsi dan peranan semak dan imbang Parlimen dapat dikembangkan. Pilihan untuk mengemukakan sesuatu perkara untuk perhatian Kerajaan atau awam tidak lagi terhad di dalam Majlis Mesyuarat atau Kamar Khas Dewan Rakyat, tetapi boleh dibawa ke jawatankuasa pilihan khas. Bahkan, jawatankuasa pilihan khas yang ditubuhkan juga mempunyai mandat yang lebih luas melalui terma penubuhan yang digariskan bagi meneliti perkara-perkara yang berada di bawah tanggungjawabnya. Berbanding jawatankuasa pilihan khas yang bersifat sementara terhadap sesuatu isu khusus, jawatankuasa pilihan khas ini boleh menimbangkan pelbagai perkara di bawah bidang tanggungjawabnya berdasarkan keutamaan yang difikirkan oleh jawatankuasa pilihan khas berkenaan.

Secara amnya, pelbagai perkara telah dipertimbangkan, diteliti dan disiasat oleh kesemua jawatankuasa pilihan khas yang ditubuhkan.

27 E. McLeay, 'Scrutiny and Capacity: An evaluation of the parliamentary committees in the New Zealand Parliament' (2006) 21(1) *Australasian Parliamentary Review* 158, 171.

28 Harris & Wilson (n 25).

Kreativiti dan kepekaan jawatankuasa pilihan khas dalam menimbang, meneliti dan menyasiat perkara di bawah bidang tanggungjawabnya secara langsung dan tidak langsung menambah baik peranan semak dan imbang Parlimen terhadap Kerajaan dan pada masa yang sama berupaya meningkatkan kebertanggungjawaban Kerajaan terhadap segala dasar dan tindakan yang diambil. Justeru, walaupun tidak semua jawatankuasa pilihan khas telah berhasil menyediakan penyata, beberapa penyata jawatankuasa pilihan khas yang telah dibentangkan kepada Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat menggambarkan keseriusan dan kerja yang telah dilakukan oleh sesebuah jawatankuasa pilihan khas. Contohnya, Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Wanita dan Kanak-kanak dan Pembangunan Sosial yang membentangkan perbincangannya berhubung kes penderaan seksual terhadap kanak-kanak, pemeraksanaan gender dan rang undang-undang antigangguan seksual, kewarganegaraan kanak-kanak, kes keganasan rumah tangga dan lain-lain lagi.²⁹

Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains dan Inovasi pula membentangkan penyata berhubung kawalan tembakau dan merokok dan menggariskan beberapa syor terhadap Rang Undang-undang Kawalan Hasil Tembakau dan Merokok 2022.³⁰ Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains dan Inovasi juga membentangkan penyata berkenaan mesyuarat jawatankuasa yang dijalankan meliputi penelitian terhadap perkara seperti situasi dan langkah kawalan pencegahan COVID-19 oleh Kerajaan, program imunisasi COVID-19 serta pemeraksanaan sistem perkhidmatan kesihatan awam.³¹ Dua penyata oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains dan Inovasi ini menunjukkan peranan jawatankuasa pilihan khas dalam menimbang perkara-perkara

29 Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Wanita dan Kanak-kanak dan Pembangunan Sosial, *Penyata Mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Wanita dan Kanak-kanak dan Pembangunan Sosial Bil. 1-9/2021, Bil. 1-2/2022* (DR 2018-2022, DR.14/2022), <<https://www.parlimen.gov.my/ipms/eps/2022-08-04/DR.14.2022%20-%20DR%2014.2022.pdf>> dicapai 30 Ogos 2022.

30 Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains dan Inovasi, *Rang Undang-undang Kawalan Hasil Tembakau dan Merokok 2022* (DR 2018-2022, DR.9/2022), <<https://www.parlimen.gov.my/ipms/eps/2022-07-28/DR.9.2022%20-%20DR%209.2022.pdf>> dicapai 30 Ogos 2022.

31 Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains dan Inovasi, *Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains dan Inovasi* (DR 2018-2022, DR.13/2021), <<https://www.parlimen.gov.my/ipms/eps/2021-11-01/DR.13.2021%20-%20DR%2013.2021.pdf>> dicapai 30 Ogos 2022.

berkepentingan awam di bawah bidang tanggungjawabnya serta meneliti rang undang-undang di bawah bidang tanggungjawabnya.

Jawatankuasa pilihan turut memainkan peranan terhadap sesuatu rang undang-undang yang dibentangkan di Parlimen sepertimana yang diperuntukkan oleh Peraturan Mesyuarat 54(2), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Jadual 3 menunjukkan rang undang-undang yang dirujuk kepada jawatankuasa pilihan khas.

Jadual 3. Rang Undang-undang (RUU) yang Dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas

Bil	Jawatankuasa Pilihan Khas	Rang Undang-undang (RUU)	Status
1.	Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang	Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019	Laporan dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat berikutan siri pendengaran awam terhadap rang undang-undang berkenaan. ³²
2.	Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 2022 dan Mengenai Peruntukan Larangan Ahli Dewan Rakyat Bertukar Parti	Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 2022	Penyata dikemukakan ³³ kepada Majlis Mesyuarat sebelum rang undang-undang ini diluluskan di Dewan Rakyat pada 28 Julai 2022

32 Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019, *Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019* (DR 2018-2022, DR.10/2019), <<https://www.parlimen.gov.my/ipms/eps/2019-11-27/DR.10.2019%20-%20DR.10%20Tahun%202019%20-%20Laporan%20Jawatankuasa%20Pilihan%20Khas%20Menimbang%20Rang%20Undang-Undang%20Suruhanjaya%20Bebas%20Aduan%20Salah%20Laku%20Poli.1.pdf>> dicapai 1 September 2022.

33 Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 2022 dan Mengenai Peruntukan Larangan Ahli Dewan Rakyat Bertukar Parti, *Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 2022 dan Mengenai Peruntukan Larangan Ahli Dewan Rakyat Bertukar Parti* (DR 20189-2022, DR.7/2022), <<https://www.parlimen.gov.my/ipms/eps/2022-07-18/DR.7.2022%20-%20DR%207.2022.pdf>> dicapai 1 September 2022.

Bil	Jawatankuasa Pilihan Khas	Rang Undang-undang (RUU)	Status
3.	Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022	Rang Undang-undang Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022	Dalam penelitian Jawatankuasa. ³⁴

Sumber: *Parlimen Malaysia*

Selain itu, perkara yang diteliti oleh jawatankuasa pilihan khas turut dimaklumkan secara umum bagi menarik perhatian awam terhadap perkara yang dilakukan oleh jawatankuasa pilihan khas. Jawatankuasa Pilihan Khas Kebebasan Asasi dan Hak-hak di bawah Perlembagaan yang membincangkan isu buruh paksa dalam sektor perladangan dan pembuatan di Malaysia turut menuntut penjelasan pihak Kerajaan berhubung status Malaysia yang diletakkan di Tahap 3 dalam Laporan Pemerdagangan Orang 2021.³⁵ Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Antarabangsa pula menjalankan prosiding berhubung isu tuntutan kumpulan Sulu ke atas aset-aset negara.³⁶ Dalam isu ini, kuasa jawatankuasa pilihan khas dalam meneliti suatu perkara digambarkan dengan kuasanya memanggil Menteri Luar Negeri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) dan Peguam Negara menghadiri prosiding dan memberi keterangan di hadapan Jawatankuasa Pilihan Khas.³⁷

Secara keseluruhannya, kebanyakan Menteri, Timbalan Menteri, Ketua Setiausaha dan Ketua Jabatan telah hadir untuk membuat pembentangan dan terlibat dalam perbincangan isu yang dipertimbangkan oleh jawatankuasa pilihan khas. Selain itu, jawatankuasa pilihan khas turut

34 DR Deb 26 Ogos 2022, Bil. 26 <<https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-02082022.pdf>> dicapai 1 September 2022.

35 'Jawatankuasa Pilihan Khas syor agensi kerajaan beri penjelasan isu buruh paksa,' *Astro Awani* (21 Julai 2022) <<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jawatankuasa-pilihan-khas-syor-agensi-kerajaan-beri-penjelasan-isu-buruhpaksa-372244>> dicapai 30 Ogos 2022.

36 'Parlimen: Jawatankuasa Pilihan Khas mula prosiding isu Tuntutan Kumpulan Sulu 11 Ogos,' *Astro Awani* (26 Julai 2022) <<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/parlimen-jawatankuasa-pilihan-khas-mula-prosiding-isu-tuntutan-kumpulan-sulu-11-ogos-372977>> dicapai 30 Ogos 2022.

37 'Prosiding isu tuntutan Sulu panggil menteri, peguam negara,' *BH Online* (26 Julai 2022) <<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/07/980439/prosiding-isu-tuntutan-sulu-panggil-menteri-peguam-negara>> dicapai 30 Ogos 2022.

membuka ruang kepada pihak luar seperti badan-badan bukan kerajaan, pertubuhan masyarakat sivil, ahli akademik dan individu untuk memberi maklum balas dan pandangan sama ada secara bersemuka atau bertulis. Kesyediaan jawatankuasa pilihan khas memberi ruang kepada penglibatan awam diyakini mampu meningkatkan keberkesannya dalam menjalankan peranan semak dan imbang terhadap kerajaan. Jadual 4 menunjukkan jumlah mesyuarat jawatankuasa pilihan khas yang telah dijalankan sejak awal penubuhannya pada tahun 2019 sehingga tahun 2022.

Jadual 4. Bilangan Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat, 2019-2022

Tahun	Bilangan Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas
2019	48
2020	4
2021	56 (Jawatankuasa pilihan khas tidak bermesyuarat semasa Parlimen digantung)
2022	64

Sumber: Parlimen Malaysia

Keberkesanan fungsi dan peranan jawatankuasa pilihan khas turut bergantung kepada komitmen dan kefahaman ahli jawatankuasa pilihan khas yang dilantik. Tidak dinafikan bahawa jawatankuasa pilihan khas merupakan sistem baharu di Malaysia dan memerlukan masa bagi sistem ini untuk mampu berfungsi dengan berkesan. Tambahan pula, pendekatan dalam jawatankuasa pilihan khas yang lebih bersifat perbincangan dalam satu bilik jawatankuasa yang lebih kecil adalah berbeza daripada perbahasan dalam Majlis Mesyuarat yang bersifat kepartian. Semua ini memberi kesan kepada sejauh mana ahli jawatankuasa pilihan khas dapat memainkan peranan mereka secara optimum dalam perbincangan jawatankuasa pilihan khas.

Komitmen pengerusi dan ahli jawatankuasa pilihan khas juga memainkan peranan terhadap keberkesanan sesuatu jawatankuasa pilihan khas melaksanakan fungsinya. Keanggotaan ahli Dewan Rakyat dalam mana-mana jawatankuasa pilihan khas dan penglibatan secara aktif dalam jawatankuasa pilihan khas akan mempengaruhi gerak kerja sesuatu jawatankuasa pilihan khas. Jadual 5 menunjukkan komposisi keanggotaan ahli Dewan Rakyat dalam 10 jawatankuasa pilihan khas

serta penglibatan sedia ada dalam Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC), Parlimen Keempat Belas.

Jadual 5. Keanggotaan Ahli Dewan Rakyat dalam Jawatankuasa Pilihan Khas dan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC), Parlimen Keempat Belas

Bil	Komposisi	Bilangan ahli Kerajaan	Bilangan ahli Bukan Kerajaan (termasuk Bebas)
1.	Ahli sebagai Menteri	29	
2.	Ahli sebagai Timbalan Menteri	33	
3.	Ahli dengan satu jawatankuasa pilihan khas	25	39
4.	Ahli dengan dua jawatankuasa pilihan khas	10	1
5.	Ahli dengan tiga jawatankuasa pilihan khas	1	
6.	Ahli dengan jawatankuasa pilihan khas dan PAC	8	
	JUMLAH (tidak termasuk keanggotaan dalam PAC)	98	40

Sumber: Parlimen Malaysia

Berdasarkan komposisi tersebut, terdapat seorang ahli Dewan Rakyat yang menganggotai sehingga tiga jawatankuasa pilihan khas. Beberapa ahli juga menganggotai jawatankuasa pilihan khas dan turut menganggotai PAC. Dalam hal ini, terdapat ahli Dewan Rakyat yang menganggotai PAC dan dalam masa yang sama menjadi Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas. Keanggotaan ini memberikan cabaran bukan sahaja kepada ahli tersebut, tetapi kepada jawatankuasa pilihan khas yang dipengerusikannya kerana komitmen yang tinggi diperlukan khususnya kepada kerja-kerja dalam PAC. Keseimbangan komposisi antara ahli Kerajaan dengan Bukan Kerajaan dalam jawatankuasa pilihan khas perlu diteliti semula memandangkan lebih separuh daripada ahli Bukan Kerajaan tidak menganggotai mana-mana jawatankuasa pilihan khas. Manakala hampir semua ahli Kerajaan yang bukan Eksekutif menganggotai jawatankuasa pilihan khas, bahkan ada yang menganggotai lebih daripada satu jawatankuasa pilihan khas.

Walau bagaimanapun, melalui persetujuan antara Kerajaan dan Pembangkang melalui Memorandum Persefahaman Transformasi dan

Kestabilan Politik (CSA) yang dimeterai pada 13 September 2021,³⁸ perkara berhubung Sistem Jawatankuasa Pilihan Khas turut diberi perhatian. Klausula 3.2 menyatakan bahawa “Memastikan Parlimen menstruktur semula Jawatankuasa Pilihan Khas yang sedia ada dan menambah lagi Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen...” dan klausula 3.3 menyatakan bahawa “Memastikan jumlah Ahli Parlimen Kerajaan dan Pembangkang yang menganggotai Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen adalah lebih seimbang supaya terbayang di dalamnya kadar parti masing-masing di dalam Majlis seperti termaktub di dalam Perkara 82(1) Peraturan Mesyuarat, dan memastikan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen dipengerusikan secara sama rata oleh Ahli Parlimen Kerajaan dan Ahli Parlimen Pembangkang”.³⁹

Sehubungan dengan itu, daripada 10 jawatankuasa pilihan khas sedia ada, lima jawatankuasa pilihan khas dipengerusikan oleh ahli Dewan Rakyat daripada Kerajaan:

- i. Jawatankuasa Pilihan Khas Kebebasan Asasi dan Hak-hak di Bawah Perlembagaan;
- ii. Jawatankuasa Pilihan Khas Kewangan dan Ekonomi;
- iii. Jawatankuasa Pilihan Khas Agensi-agensi Di Bawah Jabatan Perdana Menteri;
- iv. Jawatankuasa Pilihan Khas Pembangunan Infrastruktur; dan
- v. Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Wanita dan Kanak-kanak dan Pembangunan Sosial.

Manakala lima lagi jawatankuasa pilihan khas dipengerusikan oleh ahli Dewan Rakyat daripada Pembangkang:

- i. Jawatankuasa Pilihan Khas Keselamatan;
- ii. Jawatankuasa Pilihan Khas Pertanian dan Perdagangan dalam Negeri;
- iii. Jawatankuasa Pilihan Khas Pendidikan;

38 Memorandum Persefahaman Transformasi dan Kestabilan Politik di antara Kerajaan Persekutuan dan Pakatan Harapan 13 September 2021 <<https://www.parlimen.gov.my/images/webuser/bkk/MOU.pdf>> dicapai 30 Ogos 2022.

39 *ibid.* lampiran, 4.

- iv. Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains dan Inovasi; dan
- v. Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Antarabangsa.

Berikutan penstrukturan semula pengerusi jawatankuasa pilihan khas ini, komposisi ahli-ahli jawatankuasa pilihan khas juga distrukturkan semula daripada tujuh orang ahli kepada sembilan orang ahli yang melibatkan lima ahli daripada Kerajaan dan dua ahli daripada Pembangkang kepada lima ahli Kerajaan dan empat ahli Pembangkang. Penstrukturan semula komposisi ahli jawatankuasa pilihan khas ini merupakan perkembangan positif terhadap Sistem Jawatankuasa Pilihan Khas selaras dengan penanda aras yang dicadangkan bagi sebuah badan legislatif yang lebih demokratik. Justeru, langkah meningkatkan keanggotaan jawatankuasa pilihan khas ini membuka ruang kepada lebih ramai ahli Dewan Rakyat untuk terlibat dengan tugas jawatankuasa pilihan khas sekali gus memberi nilai tambah kepada kualiti dan kapasiti ahli Dewan Rakyat dalam menjalankan tugas dan peranan legislatif.

Perkara terakhir yang perlu diberi perhatian kepada Sistem Jawatankuasa Pilihan Khas adalah berhubung sistem sokongan yang melibatkan sumber manusia dan kewangan. Pada peringkat awal penubuhan Sistem Jawatankuasa Pilihan Khas, jawatankuasa pilihan khas diurus setiakan oleh sumber manusia sedia ada khususnya daripada Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat. Keperluan untuk mewujudkan sekretariat khusus untuk mengurus setia jawatankuasa pilihan khas merupakan suatu pra-syarat kepada kelancaran dan keberkesanan fungsi dan peranan jawatankuasa pilihan khas. Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas di bawah Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat mula diwujudkan pada tahun 2021 dengan perjawatan Ketua Penolong Setiausaha, Penolong Setiausaha, Pembantu Tadbir dan Pembantu Operasi. Seksyen ini dikembangkan lagi pada tahun 2022 dengan perjawatan Pegawai Penyelidik bagi membantu Pegawai Penyelidik Parlimen sedia ada daripada Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan yang membantu fungsi jawatankuasa pilihan khas.

Sekretariat Jawatankuasa Pilihan Khas semasa merupakan sumber guna sama antara kesemua jawatankuasa pilihan khas. Seramai 13 orang pegawai dan kakitangan bagi mengurus setia perjalanan 10 jawatankuasa pilihan khas merupakan kekangan semasa kepada kelancaran Sistem Jawatankuasa Pilihan Khas. Seorang Ketua Penolong Setiausaha yang menjalankan tugas Setiausaha Jawatankuasa bagi pihak Setiausaha Dewan Rakyat bagi kesemua 10 jawatankuasa pilihan khas perlu ditambah baik bagi meningkatkan keberkesanan jawatankuasa

pilihan khas. Amalan di *House of Representatives* Australia ialah dengan menentukan suatu jawatankuasa pilihan disokong oleh seorang setiausaha jawatankuasa, dua atau lebih pegawai penyelidik/program (bergantung kepada jumlah jawatankuasa pilihan khas yang perlu disokong) dan satu atau lebih kakitangan sokongan.⁴⁰ Walaupun suatu sekretariat jawatankuasa ini juga perlu menyokong lebih daripada satu jawatankuasa, namun, pasukan sekretariat ini mempunyai fokus dan keutamaan dalam mengurus setia jawatankuasa pilihan yang ditugaskan.

Selain sokongan sekretariat melalui sumber manusia yang mencukupi, jawatankuasa pilihan khas turut disokong dengan peruntukan kewangan. Peruntukan kewangan adalah penting bagi jawatankuasa pilihan khas menjalankan aktiviti dan fungsinya dengan berkesan. Fungsi dan peranan jawatankuasa pilihan khas dimantapkan susulan pemberian peruntukan tambahan berjumlah RM15 juta bagi meningkatkan keberkesanan tadbir urus jawatankuasa pilihan khas Parlimen. Antara inisiatif tersebut termasuk melantik pegawai dan kakitangan secara lantikan kontrak untuk memperkukuhkan pengurusan dan penyelarasan jawatankuasa pilihan khas Parlimen. Beberapa lawatan kerja telah dilakukan oleh jawatankuasa pilihan khas khususnya dalam meneliti dan memahami perkara yang ditimbang oleh jawatankuasa pilihan khas dengan lebih baik. Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Wanita dan Kanak-kanak dan Pembangunan Sosial contohnya telah mengadakan lawatan kerja ke London, United Kingdom antara lain bagi meneliti sistem sokongan terhadap mangsa kes penderaan kanak-kanak dan mekanisme dan inisiatif terhadap perlindungan kepada mangsa dan saksi.⁴¹ Selain daripada lawatan kerja, peruntukan kewangan juga merupakan aspek penting sekiranya jawatankuasa pilihan khas berhasrat menjalankan sebarang prosiding penyiasatan dan sesi libat urus berhubung perkara-perkara yang ditimbang dan diteliti oleh jawatankuasa pilihan khas.

Kesimpulan

Tujuan kertas ini ialah untuk memberikan gambaran kepada Sistem Jawatankuasa Pilihan Khas di Dewan Rakyat yang mula diperkenalkan

40 Elder & Fowler (n 5) 679.

41 Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Wanita dan Kanak-kanak dan Pembangunan Sosial, *Laporan Lawatan Kerja Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Wanita dan Kanak-kanak dan Pembangunan Sosial ke London, United Kingdom pada 23-26 Mei 2022* (DR 2018-2022, DR.15/2022), <<https://www.parlimen.gov.my/ipms/eps/2022-08-04/DR.15.2022%20-%20DR%2015.2022.pdf>> dicapai 30 Ogos 2022.

sebagai suatu sistem yang kekal dan berstruktur bermula tahun 2018. Sebagai suatu usaha penambahbaikan dan pembaharuan di Parlimen, Sistem Jawatankuasa Pilihan Khas dihasratkan untuk menambah instrumen semak dan imbang badan legislatif terhadap badan eksekutif. Selain itu, dengan penubuhan jawatankuasa pilihan khas yang dipadankan dengan kementerian dan jabatan Kerajaan yang berkaitan, aspek kebertanggungjawaban dan kecekapan Kerajaan dalam merangka dan melaksanakan dasar awam dapat dipertingkatkan.

Sebagai suatu sistem yang masih baharu, jawatankuasa pilihan khas perlu disokong dengan sistem sokongan yang meliputi sumber manusia yang cekap dan sumber kewangan yang mencukupi. Sekretariat Jawatankuasa Pilihan Khas yang sedia ada perlu terus berkembang sehingga pada suatu peringkat setiap jawatankuasa pilihan khas mempunyai sekretariat khusus yang mampu memberi fokus kepada tugas dalam jawatankuasa pilihan khas tersebut. Sistem sokongan ini adalah penting bagi memberi tanggapan yang betul kepada ahli-ahli Dewan Rakyat yang dilantik ke dalam sesebuah jawatankuasa pilihan khas bahawa peranan mereka dalam jawatankuasa pilihan khas adalah bermanfaat dan mempunyai impak tertentu. Ini secara tidak langsung menyediakan suatu 'laluan kerjaya' kepada ahli Dewan Rakyat melalui jawatankuasa pilihan khas untuk meningkatkan profil perwakilan dan politik masing-masing.

Komitmen ahli-ahli Dewan Rakyat yang dilantik menganggotai jawatankuasa pilihan khas juga merupakan salah satu faktor penentu keberkesanan sesuatu jawatankuasa pilihan khas. Keupayaan ahli-ahli yang menganggotai jawatankuasa pilihan khas dalam memahami perkara-perkara di bawah bidang tanggungjawab jawatankuasa pilihan khas masing-masing mampu memberi nilai tambah kepada sejauh mana perkara yang ditimbang dan diteliti oleh sesuatu jawatankuasa berupaya menghasilkan impak. Formula yang tepat bagi penentuan komposisi keanggotaan dalam jawatankuasa pilihan khas pula merupakan perkara yang saling berkaitan dengan komitmen ahli-ahli Dewan Rakyat yang dilantik dalam jawatankuasa pilihan khas.

Sebagai kesimpulan, Sistem Jawatankuasa Pilihan Khas di Dewan Rakyat merupakan suatu instrumen yang perlu diguna pakai untuk meningkatkan kualiti dan tahap Parlimen Malaysia ke arah suatu institusi legislatif yang dihormati. Fungsi semak dan imbang jawatankuasa pilihan khas juga boleh membantu Kerajaan melaksanakan tanggungjawabnya secara kolektif terhadap Parlimen sepertimana diperuntukkan dalam

Perkara 43(3) Perlembagaan Persekutuan. Akhir sekali, keberkesanan jawatankuasa pilihan khas Parlimen dinyatakan sebagai —

Oleh kerana komposisi dan kaedah tatacara, yang berstruktur tetapi secara relatifnya adalah tidak formal berbanding Majlis Mesyuarat, jawatankuasa adalah lebih sesuai untuk mengumpul bukti daripada kumpulan pakar atau individu. Dalam erti kata lain mereka ‘membawa Parlimen kepada rakyat’ dan membenarkan perhubungan terus antara ahli-ahli dengan awam. Bukan sahaja penyiasatan jawatankuasa membolehkan ahli untuk lebih memahami pandangan masyarakat, namun dengan menjalankan suatu penyiasatan, jawatankuasa sebenarnya mempromosikan perbincangan awam berhubung sesuatu perkara.⁴²

Perakuan

Draf awal kertas ini telah dibentangkan oleh Yang di-Pertua Dewan Rakyat di Persidangan Speaker-speaker Parlimen dan Dewan Undangan Negeri Se-Malaysia Tahun 2022, Pulau Langkawi, Kedah Darul Aman, 10 September 2022 dan telah mendapat kebenaran untuk diterbitkan.

Rujukan

‘Jawatankuasa Pilihan Khas syor agensi kerajaan beri penjelasan isu buruh paksa,’ *Astro Awani* (21 Julai 2022) <<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jawatankuasa-pilihan-khas-syor-agensi-kerajaan-beri-penjelasan-isu-buruh-paksa-372244>> dicapai 30 Ogos 2022.

‘Parlimen: Jawatankuasa Pilihan Khas mula prosiding isu Tuntutan Kumpulan Sulu 11 Ogos,’ *Astro Awani* (26 Julai 2022) <<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/parlimen-jawatankuasa-pilihankhas-mula-prosiding-isu-tuntutan-kumpulan-sulu-11-ogus-372977>> dicapai 30 Ogos 2022.

‘Prosiding isu tuntutan Sulu panggil menteri, peguam negara,’ *BH Online* (26 Julai 2022) <<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/07/980439/prosiding-isu-tuntutan-sulu-panggilmenteri-peguam-negara>> dicapai 30 Ogos 2022.

Australia, House of Representatives Standing Orders.

42 Elder & Fowler (n 5) 641.

- Blondel J., *Comparative Legislatures* (New Jersey, Prentice-Hall, 1973).
- CPA, *Recommended Benchmarks for Democratic Legislatures* (London, CPA, 2018) <<https://www.cpahq.org/media/10jjk2nh/recommended-benchmarks-for-democratic-legislatures-updated-2018-final-online-version-single.pdf>> dicapai 29 Ogos 2022.
- DR Deb 26 Ogos 2022, Bil. 26 <<https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-02082022.pdf>> dicapai 1 September 2022.
- Elder D. & Fowler P. (eds), *House of Representatives Practice Seventh Edition* (Canberra, Department of House of Representatives, 2018).
- Fisher L., 'The Growing Power and Autonomy of House of Commons Select Committees: Causes and Effects' (2015) 86(3) *The Political Quarterly* 419, 421.
- Harris M. & Wilson D. (eds), *McGee Parliamentary Practice in New Zealand Fourth Edition* (Auckland, Oratia Books, 2017) <<https://www.parliament.nz/media/4113/parliamentary-practice-in-nz-final-text.pdf>> dicapai 29 Ogos 2022.
- Jawatankuasa Dewan, *Penyata Jawatankuasa Dewan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat* (DR 2018-2022, DR.6/2018), <<https://www.parlimen.gov.my/ipms/eps/2018-08-16/DR.6.2018%20-%20DR%206.pdf>> dicapai 29 Ogos 2022.
- *Penyata Jawatankuasa Dewan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat* (DR 2018-2022, DR.6/2019), <<https://www.parlimen.gov.my/ipms/eps/2019-10-16/DR.6.2019%20-%20DR%206.2019.pdf>> dicapai 29 Ogos 2022.
- *Penyata Jawatankuasa Dewan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat* (DR 2018-2022, DR.3/2020), <<https://www.parlimen.gov.my/ipms/eps/2020-11-02/DR.3.2020%20-%20DR%203.2020.pdf>> dicapai 29 Ogos 2022.
- *Penyata Jawatankuasa Dewan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat* (DR 2018-2022, DR.8/2021), <<https://www.parlimen.gov.my/ipms/eps/2021-10-11/DR.8.2021%20-%20DR%208.2021.pdf>> dicapai 29 Ogos 2022.
- Jawatankuasa Pilihan Khas Bajet, *Hutang dan Liabiliti Kerajaan* (DR 2018-2022, DR.4/2019), <<https://www.parlimen.gov.my/ipms/eps/2019-07-17/DR.4.2019%20-%20DR%204.2019.pdf>> dicapai 29 Ogos 2022.

Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Wanita dan Kanak-kanak dan Pembangunan Sosial, *Penyata Mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Wanita dan Kanak-kanak dan Pembangunan Sosial Bil. 1-9/2021, Bil. 1-2/2022* (DR 2018-2022, DR.14/2022), <<https://www.parlimen.gov.my/ipms/eps/2022-08-04/DR.14.2022%20-%20DR%2014.2022.pdf>> dicapai 30 Ogos 2022.

— *Laporan Lawatan Kerja Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Wanita dan Kanak-kanak dan Pembangunan Sosial ke London, United Kingdom pada 23-26 Mei 2022* (DR 2018-2022, DR.15/2022), <<https://www.parlimen.gov.my/ipms/eps/2022-08-04/DR.15.2022%20-%20DR%2015.2022.pdf>> dicapai 30 Ogos 2022.

Jawatankuasa Pilihan Khas Hubungan dan Perdagangan Antarabangsa, *Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Hubungan dan Perdagangan Antarabangsa Bil. 1 Tahun 2020* (DR 2018-2022, DR.4/2020), <<https://www.parlimen.gov.my/ipms/eps/2020-11-02/DR.4.2020%20-%20DR%204.2020.pdf>> dicapai 29 Ogos 2022.

Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains dan Inovasi, *Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains dan Inovasi* (DR 2018-2022, DR.13/2021), <<https://www.parlimen.gov.my/ipms/eps/2021-11-01/DR.13.2021%20-%20DR%2013.2021.pdf>> dicapai 30 Ogos 2022.

— *Rang Undang-undang Kawalan Hasil Tembakau dan Merokok 2022* (DR 2018-2022, DR.9/2022), <<https://www.parlimen.gov.my/ipms/eps/2022-07-28/DR.9.2022%20-%20DR%209.2022.pdf>> dicapai 30 Ogos 2022.

Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 2022 dan Mengenai Peruntukan Larangan Ahli Dewan Rakyat Bertukar Parti, *Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 2022 dan Mengenai Peruntukan Larangan Ahli Dewan Rakyat Bertukar Parti* (DR 20189-2022, DR.7/2022), <<https://www.parlimen.gov.my/ipms/eps/2022-07-18/DR.7.2022%20-%20DR%207.2022.pdf>> dicapai 1 September 2022.

Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019, *Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019* (DR 2018-2022, DR.10/2019),

<<https://www.parlimen.gov.my/ipms/eps/2019-11-27/DR.10.2019%20-%20DR.10%20Tahun%202019%20-%20Laporan%20Jawatankuasa%20Pilihan%20Khas%20Menimbang%20Rang%20Undang-Undang%20Suruhanjaya%20Bebas%20Aduan%20Salah%20Laku%20Poli.1.pdf>> dicapai 1 September 2022.

Jawatankuasa Pilihan Khas untuk Melantik Jawatan-jawatan Utama Perkhidmatan Awam, *Pelantikan Ketua Hakim Negara, Pelantikan Ketua Polis Negara, Pelantikan Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM), Pelantikan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)* (DR 2018-2022, DR.12/2019), <<https://www.parlimen.gov.my/ipms/eps/2019-12-02/DR.12.2019%20-%20DR%2012.2019.pdf>> dicapai 29 Ogos 2022.

Maer L., Gay O. & Kelly R., *The Departmental Select Committee System – Research Paper 09/55 15 June 2009* (London, House of Commons Library, 2009) <<https://researchbriefings.files.parliament.uk/documents/RP09-55/RP09-55.pdf>> dicapai 30 Ogos 2022.

McLeay E., 'Scrutiny and Capacity: An evaluation of the parliamentary committees in the New Zealand Parliament' (2006) 21(1) *Australasian Parliamentary Review* 158, 171.

Md Yusof M.A., 'The Committee System' dalam Md Yusof M.A., Hamzah R. & Faruqi S.S. (eds), *Law, Principles and Practice in the Dewan Rakyat (House of Representatives) of Malaysia* (Subang Jaya, Thomson Reuters Asia, 2020) 367.

Memorandum Persefahaman Transformasi dan Kestabilan Politik di antara Kerajaan Persekutuan dan Pakatan Harapan 13 September 2021 <<https://www.parlimen.gov.my/ipms/eps/2019-12-02/DR.12.2019%20-%20DR%2012.2019.pdf>> dicapai 30 Ogos 2022.

Mill J.S., *Considerations on Representative Government* (United Kingdom, Parker, Son and Bourn, 1861).

Natzler D. & Hutton M. (eds), *Erskine May's Treatise on The Law, Privileges, Proceedings and Usage of Parliament Twenty-fifth edition* (London, LexisNexis, 2019).

Norton P., 'Nascent institutionalisation: Committees in the British parliament' (1998) 4(1) *The Journal of Legislative Studies* 143, 151.

Palonen K. & Rosales J.M., *Parliamentarism and Democratic Theory: Historical and Contemporary Perspectives* (Toronto, Barbara Budrich Publishers, 2015).

Parlimen Malaysia, *Parlimen Malaysia: Tonggak Demokrasi dan Legislatif Negara* (Kuala Lumpur, Parlimen Malaysia, 2022) 112.

Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

United Kingdom, House of Commons Standing Orders.

Walker A., Jurczak N., Bochel C. dan Leston-Bandeira C., 'How Public Engagement Became a Core Part of the House of Commons Select Committees' (2019) 72(4) *Parliamentary Affairs* 965.